

*Jun 2007

Aset industri bernilai
RM146 bilion*
 11 juta akaun
 ...dan bertambah

Laburlah dalam
UNIT AMANAH

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan.
 Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

berjumlah
RM 20,007

Baca & MENANG

HADIAH MINGGUAN

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

HADIAH UTAMA

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

MINGGU 5 Mengetahui Skop Jangkamasa Pelaburan

Mengetahui bila anda bercadang untuk mengeluarkan pelaburan anda memainkan peranan penting di dalam memilih tabung unit amanah yang betul. Jangkamasanya haruslah jelas dalam membuat keputusan pelaburan. Jangkamasa adalah tempoh di antara permulaan pelaburan dan penjualan pelaburan untuk wang tunai.

Setiap matlamat pelaburan mempunyai jangkamasanya tersendiri. Pelabur-pelabur yang berjaya akan memastikan jangkamasa pelaburannya sesuai dengan tabung unit amanah yang dipilih demi mencapai matlamat mereka. Jika matlamat mereka adalah untuk mengumpulkan tabung yang bersamaan dengan enam bulan gaji terkumpul untuk kegunaan di waktu kecemasan maka jangkamasanya adalah serta-merta. Jangkamasa untuk tabung persediaan pendidikan bagi anak yang berusia 2 tahun adalah berbeza berbanding dengan anak yang berusia 11 tahun walaupun matlamat mereka adalah sama.

Secara amnya, pemilihan tabung unit amanah adalah dipengaruhi oleh matlamat dan jangkamasa anda sendiri. Kebiasaannya, jangkamasa yang singkat memerlukan pelaburan yang konservatif, lebih stabil atau unit amanah yang kurang berubah-ubah, seperti pasaran wang, tabung bon, atau tabung-tabung terimbang. Jangkamasa yang lebih panjang pula membenarkan pelaburan di dalam tabung unit amanah yang lebih agresif seperti tabung pertumbuhan ekuiti. Akhir sekali, jika anda ingin mewariskan sesuatu kepada cucu-cucu anda, jangkamasanya boleh dipanjangkan sehingga selepas ketiadaan anda.

MINGGU 5 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI !!!

- Kenyataan yang manakah BENAR tentang jangkamasa pelaburan

A. keputusan pelaburan boleh dibuat semata-mata berdasarkan jangkamasa pelabur

B. setiap pelabur mempunyai jangkamasa yang berbeza untuk mencapai matlamatnya

C. semakin pendek jangkamasa, semakin banyak risiko yang boleh diambil oleh seseorang pelabur
- Jika anda bersara, anda akan cenderung untuk memilih tabung unit amanah yang _____.

A. konservatif

B. agresif

C. berisiko tinggi
- Berikut adalah langkah-langkah untuk melabur dengan berjaya di dalam unit amanah KECUALI

A. mengkaji jangkamasa dengan kerap

B. umur tidak penting untuk menentukan jangkamasa

C. kenal pasti matlamat pelaburan anda dahulu

Butir-Butir Peserta

Nama : _____ (mengikut K/P)

Umur : ____ No.KP : _____ (Baru)

Alamat : _____

Untuk dihubungi : _____ (rumah)

_____ (pejabat)

_____ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:

Mix fm My fm Era fm

Lite fm 98.8 fm Sinar fm

Syarat-syarat & Peraturan Peraduan

- Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan ianya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
- Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstansi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDUT), Agensi pengiklanan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
- Peserta dikehendaki menandakan pada jawapan yang betul
 - UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di ikilankan.
 - UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama tertakluk pada para 5 and para 6(b).
- Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar seberapa banyak penyertaan.
- Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
- Pengadilan adalah seperti berikut:
 - PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).

Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula > 2,077 ÷ 3 = 692.33.

Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x 2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).

b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.